


1.0 LATAR BELAKANG INDUSTRI PEMBINAAN DAN KONTRAKTOR DI MALAYSIA


Industri Pembinaan merupakan salah sebuah industri yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Industri ini bergerak rancak seiring dengan matlamat kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Ia menyumbang sebanyak 4% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan 1.25 Juta tenaga kerja negara terlibat dalam industri binaan. Selain itu, faktor pengkali (multiplier effect) industri binaan menjangkau secara positif kepada 120 industri lain. Industri ini memainkan peranan penting dalam semua sektor perindustrian utama negara dalam bentuk penyediaan modal, perkhidmatan, kediaman dan lain-lain. Kerajaan juga telah memberi penekanan fiskal kepada industri ini dalam langkah untuk menjana ekonomi negara kerana kesan pengkalinya yang meluas. Pada 2016 nilai projek pembinaan di Malaysia adalah sebanyak RM 125 bilion dan sekitar 23% darinya adalah projek kerajaan dan selebihnya adalah projek dalam sektor swasta. Pada tahun yang sama, terdapat 70,000 kontraktor berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam pelbagai gred di mana 51% darinya adalah syarikat Bumiputera.



Jadual 1: Pendaftaran Kontraktor mengikut Gred

2.0 FENOMENA SFERA PELUANG

Taburan kontrak pembinaan di antara sektor kerajaan dan sektor swasta menunjuk bahawa hanya 15% dari peluang yang ada dalam industri binaan berada di dalam sektor kerajaan. Pada waktu yang sama 51% dari bilangan syarikat kontraktor adalah Bumiputra. Pada lazimnya hampir kesemua kontraktor Bumiputra bertumpu kepada sektor kerajaan untuk mendapatkan kontrak dan pekerjaan. Kerajaan masih lagi menggalakkan Bumiputra memasuki industri ini kerana mungkin merasakan bahawa ianya dapat menjadi suatu wadah bagi penyaluran peluang pekerjaan dan perniagaan kepada Bumiputera.



Jadual 2: Sfera Peluang

Keadaan ini menimbulkan suasana di mana kontraktor Bumiputera yang ramai jumlahnya (51%) yang kebanyakannya menumpu kepada projek kerajaan yang jumlahnya sedikit (15%). Mereka berada di dalam sepeira peluang yang sempit dan terhad berbanding dengan rakan mereka yang bukan Bumiputra yang lebih sedikit bilangannya (49%) yang lazimnya berkecimpung di dalam sektor swasta yang lebih besar (85%). Mereka berada di dalam sepeira peluang yang sangat luas. Walaupun demikian masih banyak juga projek kerajaan yang diperoleh dan dilaksanakan oleh kontraktor bukan Bumiputera.

Fenomena sepeira peluang sempit untuk Bumiputera ini menjuruskan mereka kepada beberapa fenomena susulan lain yang tidak sihat. Yang pertama ianya menyumbang kepada amalan suapan yang berleluasa kerana kontraktor sanggup

melakukan apa sahaja untuk mendapatkan projek oleh kerana persaingan yang sangat tinggi dan bagi setiap kontraktor yang berjaya mendapatkan satu projek, ada ramai lagi rakan mereka yang akan kecewa. Bagi kontraktor yang berjaya pula, ia akan memerlukan satu lagi pertarungan baru untuk mendapatkan projek lain yang seterusnya.

3.0 KONTRAKTOR PATUH SYARIAH

Nukilan idea bagi mewujudkan konsep Patuh Syariah dalam industri pembinaan tercetus dari idea Ir. Dr. Shakor Ramat Badaruddin yang pada ketika itu sedang berkhidmat di Saudi sebagai Pengarah Projek di bawah Aramco Saudi Arabia.

Idea bagi mewujudkan konsep Patuh Syariah dalam industri pembinaan tercetus apabila melihat banyak aspek di dalam industri pembinaan yang tidak Patuh Syariah. Hal ini melibatkan masalah-masalah dari aspek kesucian bahan binaan yang digunakan, reka bentuk atau kawasan yang tidak mesra kepada golongan kelainan upaya, ketirisan projek yang diperoleh oleh kontraktor Bumiputera dan banyak lagi.

Sekembalinya ke Malaysia, beliau mengambil inisiatif membangunkan konsep Kontraktor Patuh Syariah di bawah kendalian syarikatnya sendiri iaitu Elcorp Technology Sdn Bhd. Di sinilah bermulanya perbincangan serius kepada usaha mewujudkan konsep patuh Syariah dalam industri pembinaan yang dikenali sebagai "**Kontraktor Patuh Syariah (KPS)**".

Antara elemen yang dititikberatkan di dalam konsep Kontraktor Patuh Syariah adalah elemen halal dan toyyiban dalam pembinaan yang merangkumi pengurusan sumber (4M) iaitu Man, Money, Material dan Machine. Selain itu, rekabentuk sesuatu bangunan mestilah ke arah patuh Syariah termasuklah bercirikan mesra tenaga hijau dan alam sekitar serta mengambil kira aspek istinjak dan fiqh taharah. Tambahan pula, ciri-ciri kehalalan, kesucian, keselamatan dan keselesaan menjadi faktor utama didalam konsep patuh syariah ini.

4.0 PROJEK BERKAITAN SYARIAH

Terdapat pelbagai projek pembangunan berkaitan Syariah yang dilaksanakan di seluruh negara setiap tahun. Antaranya ialah masjid dan surau, sekolah agama, pembangunan wakaf dan lain-lain. Berdasarkan data 2017 dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), terdapat 6,426 masjid dan 17,713 surau di Malaysia. Manakala, sebanyak 4,027 sekolah agama di Malaysia. Di samping itu, berdasarkan data 2017 dari Yayasan Wakaf Malaysia, pembangunan wakaf sebanyak 292 buah telah dibina dan dibangunkan yang terdiri daripada bazar wakaf rakyat dan wakaf mart. Manakala, data dari CIDB menunjukkan pelbagai projek berkaitan Syariah dalam sektor swasta telah dilaksanakan yang mencecah ratusan juta ringgit.

No	Projek Berkaitan Syariah	Kos Pembinaan
1	Masjid & Surau	RM264,000,000.00
2	Sekolah Agama	RM5,436,000,000.00
3	Pembangunan Wakaf	RM73,000,000.00
4	Projek berkaitan Syariah dalam Sektor Swasta	RM610,927,296.45
		RM6,383,927,296.45

Jadual 3: Rumusan Projek Berkaitan Syariah berserta Kos Pembinaan

Jadual 3 menunjukkan rumusan projek berkaitan Syariah berserta kos Pembinaan. Kos Pembinaan bagi projek berkaitan Syariah yang merangkumi masjid dan surau, sekolah agama, pembangunan wakaf dan projek berkaitan Syariah dalam sektor swasta adalah berjumlah RM 6,383,927,296.45.

5.0 “KPS ECONOMETRIC BENEFIT MODEL”

“KPS Econometric Benefit Model” merupakan model yang menunjukkan Faedah Ekonomi kepada umat Islam Malaysia yang diperoleh dari kos pembinaan projek berkaitan Syariah seperti di Jadual 2. Faedah Ekonomi tersebut merangkumi Faedah Perniagaan (Business Benefit), Faedah Pemegang Saham (Equity Holder Benefit), Faedah Pekerja (Employment Benefit) dan Faedah Asnaf (Asnaf Benefit). Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pihak kami, “KPS Econometric Benefit Model” ini merangkumi 4 kategori projek iaitu Masjid dan Surau, Sekolah Agama, Pembangunan Wakaf dan projek swasta berkaitan Syariah. Formula bagi “KPS Econometric Benefit Model” adalah seperti berikut:

Jenis Faedah	Formula
Faedah Perniagaan (Business Benefit)	$\sum_{i=1}^n (BB)_i = \left(\sum_{i=1}^n T_i F_i \alpha_i \right)$
Faedah Pemegang Saham (Equity Holder Benefit)	$\sum_{i=1}^n (QB)_i = \left(\sum_{i=1}^n BB_i \beta_i \right)$
Faedah Pekerja (Employment Benefit)	$\sum_{i=1}^n (EB)_i = \left(\sum_{i=1}^n BB_i \gamma_i \right)$
Faedah Asnaf (Asnaf Benefit)	$\sum_{i=1}^n (AB)_i = \left(\sum_{i=1}^n 0.025QB_i \right) + \left(\sum_{i=1}^n 0.025EB_i \right)$
Jumlah Faedah	$\sum_{i=1}^n (TB)_i = \sum_{i=1}^n BB_i + \sum_{i=1}^n QB_i + \sum_{i=1}^n EB_i + \sum_{i=1}^n AB_i$

Berdasarkan formula di atas, *BB* ialah Faedah Perniagaan, *QB* ialah Faedah Pemegang Saham, *EB* ialah Faedah Pekerja dan *AB* ialah Faedah Asnaf. Model ini menggunakan beberapa parameter di mana *F* ialah Pecahan Kos Setiap Komponen, α merupakan Faktor Penglibatan Perniagaan Islam, β ialah Faktor Keuntungan Perniagaan, γ ialah Faktor Kos Tenaga Kerja. Manakala, *T* ialah

Jumlah Kos Pembinaan, *TB* ialah Jumlah Faedah Ekonomi dan *n* ialah Bilangan Jenis Projek berkaitan Syariah.

5.1 “KPS ECONOMETRIC BENEFIT MODEL” KATEGORI PROJEK MASJID & SURAU

Data bagi “KPS Econometric Benefit Model” kategori projek Masjid dan Surau diperoleh dari JAKIM di mana jumlah pembinaan baru bagi masjid dan surau adalah 264 buah. Kos pembinaan bagi sebuah masjid dianggarkan berjumlah RM4 juta manakala RM400 ribu bagi sebuah surau.

Project - Masjid & Surau, Contract Sum RM 264,000,000				BUSINESS BENEFIT		EQUITY HOLDER BENEFIT		EMPLOYMENT BENEFIT		ASNAF BENEFIT	
GDV	ELEMENTAL COMPONENT	ELEMENTAL RATIO (%)	ELEMENTAL VALUE	MUSLIM BUSINESS BENEFIT FACTOR	MUSLIM BUSINESS VALUE	BUSINESS PROFIT FACTOR	MUSLIM EQUITY HOLDER BENEFIT	MAN POWER COST FACTOR	MUSLIM WAGES VALUE	ZAKAT FROM BUSINESS PROFIT	ZAKAT FROM INDIVIDUAL MUSLIM INCOME
A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L
			(A x C)		(D x E)		(F x G)		(F x I)	(2.5% of H)	(2.5% of J)
264,000,000	Consultancy	7	18,480,000	1.00	18,480,000	35	6,468,000	0.6	11,088,000	161,700	277,200
	Materials	35	92,400,000	0.30	27,720,000	40	11,088,000	0.3	8,315,000	277,200	207,900
	Management	4	10,560,000	1.00	10,560,000	25	2,640,000	1.0	10,560,000	66,000	264,000
	Finance	4	10,560,000	1.00	10,560,000	30	3,168,000	0.3	3,168,000	79,200	79,200
	Machinery	10	26,400,000	0.30	7,920,000	35	2,772,000	0.2	1,188,000	69,300	29,700
	Man power	20	52,800,000	0.60	31,680,000	25	7,920,000	0.9	28,512,000	198,000	712,800
	Logistic	5	13,200,000	0.35	4,620,000	35	1,617,000	0.2	924,000	40,425	23,100
	Profit	15	39,600,000	1.00	264,000,000	15	39,600,000			990,000	0
TOTAL		100	264,000,000		375,540,000		75,273,000	3	63,756,000	1,881,825	1,593,900
% OF GDV			100		142		29		24	1	1
TOTAL MUSLIM BENEFIT IN % OF GDV							196				
TOTAL MUSLIM BENEFIT IN RM							518,044,725				

Jadual 4: “KPS Econometric Benefit Model” bagi kategori Masjid dan Surau

Jadual 4 menunjukkan KPS Econometric Benefit Model bagi kategori Masjid dan Surau di Malaysia. Jadual tertera menunjukkan terdapat empat (4) Faedah Ekonomi yang diperoleh daripada nilai projek (GDV) setelah mengambil kira beberapa faktor bagi setiap komponen seperti pihak perunding, kos pengurusan, pengangkutan, bahan binaan dan sebagainya. Ia menunjukkan Jumlah Faedah kepada masyarakat Islam (Melayu) adalah 196% (RM518,044,725) iaitu hampir 2 kali ganda daripada nilai projek (RM264,000,000). Di mana 142% daripada nilai projek (GDV) dari faktor komponen-komponen seperti pihak perunding, kos pengurusan, pengangkutan, bahan binaan dan sebagainya merupakan Faedah Perniagaan kepada Muslim iaitu RM 375,540,000. Manakala, sekurang-kurangnya 29% daripada GDV akan diperolehi oleh Pemegang saham iaitu berjumlah RM 75,273,000. Tenaga kerja juga akan memperolehi faedah

sebanyak 24% (RM63,756,000) daripada GDV. Dalam pada itu, penerima faedah pemegang saham dan tenaga kerja akan membahagikan 2.5% daripada keuntungan tersebut kepada golongan asnaf dalam bentuk pembayaran zakat.

5.2 “KPS ECONOMETRIC BENEFIT MODEL” KATEGORI PROJEK SEKOLAH AGAMA

Data bagi “KPS Econometric Benefit Model” kategori projek Sekolah Agama diperoleh dari JAKIM di mana jumlah pembinaan baru bagi sekolah agama adalah 906 buah. Kos pembinaan bagi sebuah sekolah agama dianggarkan berjumlah RM6 juta.

Project - Sekolah Agama, Contract Sum RM 5,436,000,000				BUSINESS BENEFIT		EQUITY HOLDER BENEFIT		EMPLOYMENT BENEFIT		ASNAF BENEFIT	
GDV	ELEMENTAL COMPONENT	ELEMENTAL RATIO (%)	ELEMENTAL VALUE	MUSLIM BUSINESS BENEFIT FACTOR	MUSLIM BUSINESS VALUE	BUSINESS PROFIT FACTOR	MUSLIM EQUITY HOLDER BENEFIT	MAN POWER COST FACTOR	MUSLIM WAGES VALUE	ZAKAT FROM BUSINESS PROFIT	ZAKAT FROM INDIVIDUAL MUSLIM INCOME
A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L
			(A x C)		(D x E)		(F x G)		(F x I)	(2.5% of H)	(2.5% of J)
5,436,000,000	Consultancy	7	380,520,000	1.00	380,520,000	35	133,182,000	0.6	228,312,000	3,329,550	5,707,800
	Materials	35	1,902,600,000	0.30	570,780,000	40	228,312,000	0.3	171,234,000	5,707,800	4,280,850
	Management	4	217,440,000	1.00	217,440,000	25	54,360,000	1.0	217,440,000	1,359,000	5,436,000
	Finance	4	217,440,000	1.00	217,440,000	30	65,232,000	0.3	65,232,000	1,630,800	1,630,800
	Machinery	10	543,600,000	0.30	163,080,000	35	57,078,000	0.2	24,462,000	1,426,950	611,550
	Man power	20	1,087,200,000	0.60	652,320,000	25	163,080,000	0.9	587,088,000	4,077,000	14,677,200
	Logistic	5	271,800,000	0.35	95,130,000	35	33,295,500	0.2	19,026,000	832,388	475,650
	Profit	15	815,400,000	1.00	5,436,000,000	15	815,400,000		0	20,385,000	0
TOTAL		100	5,436,000,000		7,732,710,000		1,549,939,500	3	1,312,794,000	38,748,488	32,819,850
% OF GDV			100		142		29		24	1	1
TOTAL MUSLIM BENEFIT IN % OF GDV							196				
TOTAL MUSLIM BENEFIT IN RM							10,667,011,838				

Jadual 5: “KPS Econometric Benefit Model” bagi kategori Projek Sekolah Agama

Jadual 5 menunjukkan “KPS Econometric Benefit Model” bagi kategori Sekolah Agama di Malaysia. Jadual tertera menunjukkan terdapat empat (4) Faedah Ekonomi yang diperoleh daripada nilai projek (GDV) setelah mengambil kira beberapa faktor bagi setiap komponen seperti pihak perunding, kos pengurusan, pengangkutan, bahan binaan dan sebagainya. Ia menunjukkan Jumlah Faedah kepada masyarakat Islam (Melayu) adalah 196% (RM10,667,011,838) iaitu hampir 2 kali ganda daripada nilai projek (RM5,436,000,000). Di mana 142% daripada nilai projek (GDV) dari faktor komponen-komponen seperti pihak perunding, kos pengurusan, pengangkutan, bahan binaan dan sebagainya merupakan Faedah Perniagaan kepada Muslim iaitu RM 7,732,710,000. Manakala, sekurang-kurangnya 29% daripada GDV akan diperolehi oleh Pemegang saham iaitu berjumlah RM 1,549,939,500. Tenaga kerja juga akan

memperolehi faedah sebanyak 24% (RM1,312,794,000) daripada GDV. Dalam pada itu, penerima faedah pemegang saham dan tenaga kerja akan membahagikan 2.5% daripada keuntungan tersebut kepada golongan asnaf dalam bentuk pembayaran zakat.

5.3 “KPS ECONOMETRIC BENEFIT MODEL” KATEGORI PROJEK PEMBANGUNAN WAKAF

Data bagi “KPS Econometric Benefit Model” kategori projek Pembangunan Wakaf diperoleh dari Yayasan Wakaf Malaysia di mana bilangan pembangunan wakaf adalah 292 buah. Kos pembinaan bagi sebuah wakaf dianggarkan berjumlah RM250,000.

Project - Pembangunan Wakaf, Contract Sum RM 73,000,000				BUSINESS BENEFIT		EQUITY HOLDER BENEFIT		EMPLOYMENT BENEFIT		ASNAF BENEFIT	
GDV	ELEMENTAL COMPONENT	ELEMENTAL RATIO (%)	ELEMENTAL VALUE	MUSLIM BUSINESS BENEFIT FACTOR	MUSLIM BUSINESS VALUE	BUSINESS PROFIT FACTOR	MUSLIM EQUITY HOLDER BENEFIT	MAN POWER COST FACTOR	MUSLIM WAGES VALUE	ZAKAT FROM BUSINESS PROFIT	ZAKAT FROM INDIVIDUAL MUSLIM INCOME
A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L
			(A x C)		(D x E)		(F x G)		(F x I)	(2.5% of H)	(2.5% of J)
73,000,000	Consultancy	7	5,110,000	1.00	5,110,000	35	1,788,500	0.6	3,066,000	44,713	76,650
	Materials	35	25,550,000	0.30	7,665,000	40	3,066,000	0.3	2,299,500	76,650	57,488
	Management	4	2,920,000	1.00	2,920,000	25	730,000	1.0	2,920,000	18,250	73,000
	Machinery	10	7,300,000	0.30	2,190,000	35	766,500	0.2	328,500	19,163	8,213
	Man power	20	14,600,000	0.60	8,760,000	25	2,190,000	0.9	7,884,000	54,750	197,100
	Logistic	5	3,650,000	0.35	1,277,500	35	447,125	0.2	255,500	11,178	6,388
	Profit	19	13,870,000	1.00	73,000,000	15	10,950,000		0	273,750	0
	TOTAL		73,000,000		100,922,500		19,938,125	3	16,753,500	498,453	418,838
	% OF GDV		100		138		27		23	1	1
	TOTAL MUSLIM BENEFIT IN % OF GDV						190				
	TOTAL MUSLIM BENEFIT IN RM						138,531,416				

Jadual 6: “KPS Economic Benefit Model” bagi kategori Pembangunan Wakaf

Jadual 6 menunjukkan “KPS Economic Benefit Model” bagi kategori Pembangunan Wakaf di Malaysia. Jadual tertera menunjukkan terdapat empat (4) Faedah Ekonomi yang diperoleh daripada nilai projek (GDV) setelah mengambil kira beberapa faktor bagi setiap komponen seperti pihak perunding, kos pengurusan, pengangkutan, bahan binaan dan sebagainya. Ia menunjukkan bahawa Jumlah Faedah kepada masyarakat Islam (Melayu) adalah 190% (RM138,531,416) iaitu hampir 2 kali ganda daripada nilai projek (RM73,000,000). Di mana 138% daripada nilai projek (GDV) dari faktor komponen-komponen seperti pihak perunding, kos pengurusan, pengangkutan, bahan binaan dan sebagainya merupakan Faedah Perniagaan kepada Muslim iaitu RM 100,922,500.

Manakala, sekurang-kurangnya 27% daripada GDV akan diperolehi oleh Pemegang saham iaitu berjumlah RM 19,938,125. Tenaga kerja juga akan memperolehi faedah sebanyak 23% (RM16,753,500) daripada GDV. Dalam pada itu, penerima faedah pemegang saham dan tenaga kerja akan membahagikan 2.5% daripada keuntungan tersebut kepada golongan asnaf dalam bentuk pembayaran zakat.

5.4 “KPS ECONOMETRIC BENEFIT MODEL” KATEGORI PROJEK SWASTA

Nilai projek bagi kategori projek Swasta berkaitan Syariah di Malaysia dianggarkan berjumlah RM610,927,296.

Project - Swasta, Contract Sum RM 610,927,296.45				BUSINESS BENEFIT		EQUITY HOLDER BENEFIT		EMPLOYMENT BENEFIT		ASNAF BENEFIT	
GDV	ELEMENTAL COMPONENT	ELEMENTAL RATIO (%)	ELEMENTAL VALUE	MUSLIM BUSINESS BENEFIT FACTOR	MUSLIM BUSINESS VALUE	BUSINESS PROFIT FACTOR	MUSLIM EQUITY HOLDER BENEFIT	MAN POWER COST FACTOR	MUSLIM WAGES VALUE	ZAKAT FROM BUSINESS PROFIT	ZAKAT FROM INDIVIDUAL MUSLIM INCOME
A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L
			(A x C)		(D x E)		(F x G)		(F x I)	(2.5% of H)	(2.5% of J)
610,927,296	Consultancy	7	42,764,911	1.00	42,764,911	35	14,967,719	0.6	25,658,946	374,193	641,474
	Materials	35	213,824,554	0.30	64,147,366	40	25,658,946	0.3	19,244,210	641,474	481,105
	Management	4	24,437,092	1.00	24,437,092	25	6,109,273	1.0	24,437,092	152,732	610,927
	Finance	4	24,437,092	1.00	24,437,092	30	7,331,128	0.3	7,331,128	183,278	183,278
	Machinery	10	61,092,730	0.30	18,327,819	35	6,414,737	0.2	2,749,173	160,368	68,729
	Man power	20	122,185,459	0.60	73,311,276	25	18,327,819	0.9	65,980,148	458,195	1,649,504
	Logistic	5	30,546,365	0.35	10,691,228	35	3,741,930	0.2	2,138,246	93,548	53,456
	Profit	15	91,639,094	1.00	610,927,296	15	91,639,094		0	2,290,977	0
TOTAL		100	610,927,296		869,044,079		174,190,645	3	147,538,942	4,354,766	3,688,474
% OF GDV			100		142		29		24	1	1
TOTAL MUSLIM BENEFIT IN % OF GDV								196			
TOTAL MUSLIM BENEFIT IN RM								1,198,816,906			

Jadual 7: “KPS Econometric Benefit Model” bagi kategori Projek Berkaitan Syariah dalam Sektor Swasta

Jadual 7 menunjukkan “KPS Economic Benefit Model” bagi kategori projek Swasta berkaitan Syariah di Malaysia. Jadual tertera menunjukkan terdapat empat (4) Faedah Ekonomi yang diperolehi daripada nilai projek (GDV) setelah mengambil kira beberapa faktor bagi setiap komponen seperti pihak perunding, kos pengurusan, pengangkutan, bahan binaan dan sebagainya. Ia menunjukkan bahawa Jumlah Faedah kepada masyarakat Islam (Melayu) adalah 196% (RM1,198,816,906) iaitu hampir 2 kali ganda daripada nilai projek (RM610,927,296). Di mana 142% daripada nilai projek (GDV) dari faktor

komponen-komponen seperti pihak perunding, kos pengurusan, pengangkutan, bahan binaan dan sebagainya merupakan Faedah Perniagaan kepada Muslim iaitu RM 869,044,079. Manakala, sekurang-kurangnya 29% daripada GDV akan diperolehi oleh Pemegang saham iaitu berjumlah RM 174,190,645. Tenaga kerja juga akan memperolehi faedah sebanyak 24% (RM147,538,942) daripada GDV. Dalam pada itu, penerima faedah pemegang saham dan tenaga kerja akan membahagikan 2.5% daripada keuntungan tersebut kepada golongan asnaf dalam bentuk pembayaran zakat.

5.5 RUMUSAN “KPS ECONOMETRIC BENEFIT MODEL”

“KPS Econometric Benefit Model” merumuskan bahawa projek-projek yang berkaitan dengan Syariah di Malaysia amat besar dan luas serta memberi peluang kepada pembangunan Ekonomi Islam. Model tersebut menyatakan bahawa projek-projek berkaitan Syariah berupaya menjana faedah RM12 bilion iaitu hampir 2 kali ganda daripada nilai projek setahun kepada ekonomi Islam dalam sektor pembinaan melibatkan beberapa lapisan benefisiari daripada kalangan perunding, kontraktor, tenaga kerja, pembekal sehingga ke lapisan asnaf dan lain-lain. Model ini juga dapat merumuskan tanpa pelaksanaan program KPS, majoriti projek berkepentingan Syariah hanya mampu menyumbang 21% faedah ekonomi kepada masyarakat umat Islam (Melayu). Di mana hanya 10% faedah dianggarkan akan diperolehi oleh Perusahaan Islam dan kurang dari 0.5% faedah kepada golongan Asnaf. Manakala selebihnya akan dipelopori oleh masyarakat bukan Islam yang mengaut lebih faedah daripada projek berkepentingan Syariah yang sepatutnya lebih layak adalah masyarakat umat Islam (Melayu).

6.0 KESIMPULAN

Program Kontraktor Patuh Syariah (KPS) wajar dilaksanakan dan dijadikan satu wadah bagi membangunkan Ekonomi Islam yang mengekshaskan projek-projek berkepentingan Syariah dibangunkan oleh masyarakat Islam. Hal ini demikian kerana terdapat banyak projek pembangunan berkaitan syariah seperti masjid, sekolah agama, pembangunan wakaf dan sebagainya dilaksanakan di seluruh negara setiap tahun. Namun perlaksanaannya tidak mensyaratkan pelaksanaan oleh kontraktor Bumiputera atau Muslim dan jauh sekali patuh syariah. Maka berlaku ketirisan peluang ekonomi di kalangan pengusaha Islam di sepanjang rantai nilai yang berkait dengan projek tersebut. Bilangan kontraktor Bumiputera adalah sekitar 60% dari keseluruhan kontraktor berdaftar sedangkan peluang kerja untuk mereka yang selalunya datang dari sektor kerajaan adalah sangat terhad. Maka sebarang usaha “ecosystem fencing” bagi meningkatkan peluang di kalangan mereka seharusnya dialu-alukan. Maka Model Faedah Ekonometrik KPS merumuskan bahawa dengan pelaksanaan program KPS, projek berkaitan Syariah mampu menjana faedah hampir RM12 bilion iaitu 2 kali ganda daripada nilai projek. Ini menggambarkan betapa luas dan besar peluang yang dapat dipelopori oleh masyarakat umat Islam (Melayu) jika konsep KPS dilaksanakan.

Sehubungan itu, program KPS sepatutnya menjadi agenda utama pembangunan ekonomi Islam dengan sokongan jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian tertentu seperti JAKIM, KKR, BPKU dan CIDB. Jabatan-jabatan dan kementerian tersebut akan menjadi pelopor pelaksanaan program KPS di mana BPKU sebagai Jabatan Pengelola, CIDB berperanan mewujudkan kategori **B29** dan CCD points, JAKIM akan mengesahkan kandungan kursus program KPS dan program KPS akan dijalankan dalam bentuk e-learning oleh Halal Akademi yang berdaftar. Manakala, Elcorp Technology Sdn Bhd akan menyediakan ‘in class course’ atau kelas kuliah bagi program KPS ini. Hal ini demikian kerana, terdapat banyak projek berkaitan syariah dilaksanakan di bawah jabatan-jabatan dan kementerian tersebut misalnya pembinaan masjid dan surau, sekolah agama, wakaf dan sebagainya. Ianya bukan sahaja memberi faedah kepada kontraktor

malahan akan memberi kesan kepada rangkaian menyeluruh iaitu pembekal, logistik, sistem pembiayaan, pekerjaan dan lain-lain. Kontraktor Bumiputera akan menjadi pelopor kepada konsep Kontraktor Patuh Syariah. Seterusnya, menjadikan Kontraktor Patuh Syariah sebagai pemangkin pembangunan Ekonomi Islam.